

U GB 21-02 00190 BH572

aab

Mahathir - Sabah '''

KOTA KINABALU, 21 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan mengetahui adanya usaha Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk membawa Sabah keluar dari Malaysia dan menjadikannya sebuah negara bebas.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga sedar bahawa Datuk Dr Jeffrey Kitingan, adik Ketua Menteri Sabah, sendiri bercita-cita untuk menjadi +Presiden Sabah+.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan demikian dalam ucapannya pada majlis perasmian perhimpunan agung Usno ke-23 dan Pelancaran Umno Sabah, di Dewan Perdana, Wisma MUIS, di sini.

Pada persidangan akhbar selepas itu, Perdana Menteri berkata kerajaan juga mengetahui adanya hubungan PBS dengan negara luar untuk melaksanakan cita-cita itu.

Beliau, bagaimanapun, tidak menyebutkan nama negara berkenaan.

Menurutnya, Datuk Dr Kitingan dengan Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS) sedang berusaha kearah itu dengan membangkitkan +Isu 20 perkara+ serta menuduh Sabah dianaktirikan oleh kerajaan persekutuan.

Isu 20 Perkara itu adalah syarat-syarat berhubung dengan hak Sabah ketika menyertai Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, sebenarnya isu-isu yang dibangkitkan itu sudahpun diselesaikan semasa pemerintahan Usno dahulu, tetapi sengaja +dikorek-korek dan dihebohkan+ oleh PBS. -- Lagi .

♥21/02/19-50MST

U PB 21-02 00173 BH573

aab

Mahathir - Sabah 2 Kota Kinabalu '''

Beliau berkata, sejak PBS berkuasa di Sabah pada 1985, pemikiran rakyat negeri itu telah diracuni sedemikian rupa sehingga membenci Malaysia.

+Rakyat Sabah sebelum itu tidak pernah membenci kerajaan persekutuan dan rakyat Semenanjung, tetapi sekarang mereka, termasuk yang beragama Islam juga, terpengaruh dengannya,+ kata Perdana Menteri.

Kerajaan setakat ini belum melihat bukti bahawa rakyat negeri ini hendak memberontak atau melancarkan revolusi terhadap Malaysia, katanya sambil menyebut bahawa tindakan akan diambil apabila bukti-bukti itu telah nampak dengan nyata.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mempersoalkan keikhlasan PBS untuk membentuk kerajaan campuran dengan Usno dan berpendapat ura-ura itu adalah semata-mata kerana PBS merasa kemasukan Umno ke Sabah akan mengancam kedudukan dan kepentingan pemimpin-pemimpinnya.

+Kita boleh bekerjasama dengan PBS...bukan tak boleh, tapi mestilah kita mendapat untung daripadanya dan kita juga mestilah tahu apa dia syarat-syaratnya,+ kata beliau.

Menurutnya kalau PBS ingin bekerjasama, pemimpin-pemimpinnya mestilah ikhlas dan mendukung gagasan Malaysia, bukan berusaha untuk memisahkan Sabah dari Malaysia. -- Lagi

♥21/02/19-57MST

U PB 21-02 00152 BH574

aab

Mahathir - Sabah 3 Kota Kinabalu

Menjawab pertanyaan wartawan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata tidak ada perbincangan lanjut setakat ini dengan PBS mengenai ura-ura kerjasama yang dikemukakannya itu.

Beliau juga menafikan dakwaan yang kerajaan pusat memberi tekanan kepada PBS kerana keluar daripada Barisan Nasional.

Katanya, kes rasuah yang dihadapi Ketua Menteri Datuk Joseph Pairin Kitingan di mahkamah tidak ada kaitan dengan politik.

+Undang-undang meliputi semua orang,+ katanya.

Mengenai Umno, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia tidak ada cadangan untuk meluaskan sayapnya ke Sarawak.

Beliau menjelaskan, Umno pada mulanya juga tidak bercadang masuk ke Sabah, tetapi keadaan yang berlaku sejak akhir-akhir ini telah membuat parti itu merasa perlu meluaskan kegiatannya ke negeri ini.

Perdana Menteri juga berkata, rakyat di Sabah akan diberi penerangan dan penjelasan supaya mereka dapat memahami dan menghayati budaya Umno. --
Bernama

♥21/02/19-58MST